

PARA penyelidik dan pensyarah UMS yang meraih kemenangan bergambar bersama selepas majlis itu.-Gambar oleh ANIQ AZRAEI

# UMS terima peningkatan jumlah geran penyelidikan

UB. 5.6.2013 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

**UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menerima peningkatan geran penyelidikan lebih banyak tahun ini berbanding tahun sebelumnya.**

Naib Cancelor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, peningkatan memberangsangkan itu menunjukkan kemampuan para pensyarah dan penyelidik UMS untuk bergerak lebih maju ke hadapan.

Menurutnya, kebanyakan geran berkenaan diperolehi menerusi Skim Geran Penyelidikan Asas (FRGS) dan beberapa skim kerjasaman dengan universiti yang lain.

*"Peningkatan memberangsangkan itu menunjukkan kemampuan para pensyarah dan penyelidik UMS untuk bergerak lebih maju ke hadapan. Menurutnya, kebanyakan geran berkenaan diperolehi menerusi Skim Geran Penyelidikan Asas (FRGS) dan beberapa skim kerjasaman dengan universiti yang lain. Peningkatan ini juga seiring dengan matlamat UMS untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang berimpak tinggi."*

**PROF. DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH**
*Naib Cancelor UMS*

"Peningkatan ini juga seiring dengan matlamat UMS untuk menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang berimpak tinggi.

"Secara umumnya sejak awal tahun ini, kita menerima lebih 20 geran penyelidikan terutamanya daripada Kementerian Pendidikan dan juga kementerian lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Majlis Makan Tengahari Bersama Pemenang Anugerah Pameran Peringkat Kebangsaan 2013 di sini kelmarin.

Harun berkata, trend penyelidikan bersama yang melibatkan kerjasama dengan universiti lain di negeara ini juga menunjukkan satu peningkatan positif.

Jelasnya, dalam melaksanakan penyelidikan yang bersignifikan kerjasama, aspek kepakaran amat diperlukan.

Sehubungan itu katanya, lebih banyak kepakaran yang terlibat, ia akan mem-bantu hasil penyelidikan yang lebih bermutu tinggi.

"Saya melihat, dengan adanya sistem panduan terutamanya daripada pensyarah akademik senior yang berpengalaman, ia banyak membantu UMS mendapatkan geran penyelidikan.

"Justeru, jalinan kerjsama daripada semua pihak berdasarkan bantuan dari pelbagai peringkat membantu kita dalam memperolehi lebih banyak geran penyelidikan," jelasnya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, tahun ini UMS melancarkan Plan Strategik 2013-2017 yang bertemakan 'Sustaining Excellence Towards International Prominence'.

Tambahnya, terdapat tujuh Bidang Keberhasilan Utama UMS (UMS-KRA) yang dimasukkan dalam Plan Strategik berkenaan.

"Salah satunya menjurus kepada penyelidikan dan inovasi iaitu meningkatkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi.

"Peningkatan sebanyak 50 peratus bilangan anugerah yang diperolehi dalam pameran dan pertandingan sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa antara sasaran UMS dibawah pelan berkenaan.

"Justeru, penyertaan para penyelidik dan pensyarah dalam pameran-pameran berkaitan penyelidikan amat penting dalam membantu melaksanakan UMS-KRA," katanya.

Beliau berkata, kriteria berkenaan turut termasuk dalam Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) dan ia menjadi keutamaan universiti untuk mencapai penarafan lima bintang oleh Kementerian Pendidikan.

Selain itu, Harun berkata, bukan sahaja anugerah yang ingin dicapai UMS, tetapi produk inovasi yang dihasilkan perlu berjaya dikomersilkan selepas pelbagai anugerah diraih.

Jelasnya, usaha dan tenaga kerja perlu digembleng oleh seluruh pihak dalam UMS sendiri agar universiti tidak ketinggalan dalam pengkomersilan produk inovasi oleh Institut Pengajian Tinggi Awam /Swasta (IPTA/IPTS) yang lebih baru.

Beliau berkata, usaha itu seirirng dengan keperluan penjanaan pendapatan UMS yang mana hasil pengkomersilan, sama ada dalam bentuk yuran, lesen, royalti dan seumpamanya akan dapat menyumbang kepada tujuan penyelidikan.



HARUN (kanan) menyampaikan sijil kepada Jinky (kiri) yang turut menerima anugerah 'Women Inventor of the Year'.- Gambar oleh ANIQ AZRAEI



BALAN (kiri) antara penyelidik yang meraih emas dalam Itex 2013.-Gambar oleh ANIQ AZRAEI